

|           |               |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date      | 29/11/2011    |

# Najib di landasan tepat capai negara maju

Dr M kagum cara kerajaan penuh kehendak rakyat, laksana transformasi

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak berada di landasan tepat untuk membawa Malaysia ke arah negara maju menjelang 2020.

Katanya, kerajaan Najib juga bersedia mendengar pandangan rakyat dan mengambil tindakan segera ke atas semua kehendak dan masalah berbanding ketika beliau menjadi perdana menteri.

Beliau juga mengakui Najib berdepan cabaran besar berbanding dirinya, kerana Barisan Nasional (BN) tidak mempunyai majoriti dua pertiga selain perubahan landskap politik tempatan serta faktor krisis global yang bersifat 'merekab' baik dalam bentuk fizikal atau persepsi.

"Beliau (Najib) mencuba sedaya upaya. Saya tidak boleh cakap sama ada beliau berjaya membangunkan Malaysia menjadi negara maju (menjelang 2020) tapi ramai pihak mengakui Malaysia sudah muncul



sebagai negara maju," katanya pada sidang media selepas majlis makan tengah hari Forum Antarabangsa Transformasi Politik, Ekonomi dan Sosial Dalam Era Krisis Global di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Bekas Presiden UMNO itu yang meraikan delegasi asing dari 25 negara yang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO 2011 bermula hari ini, turut ditanya mengenai



DR MAHATHIR bersama delegasi Forum Antarabangsa Transformasi Politik, Ekonomi dan Sosial Dalam Era Krisis Global di PWTC, semalam.

pandangannya prestasi Najib dalam mengemudi Malaysia ke arah negara maju.

Mengenai kesediaan kerajaan meminda beberapa peruntukan Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman 2011 yang dibentangkan di Parlimen, Dr Mahathir berkata, langkah itu membuktikan kerajaan mendengar rintihan rakyat.

Beliau yang juga bekas Perdana Menteri selama 22 tahun itu tidak berasakan kebangkitan Arab yang melanda Asia Barat ketika ini, akan merebak ke negara ini kerana kerajaan tidak bersikap autoritatif-seperti rejim ditumbangkan revolusi rakyat di beberapa negara rantau itu.

Katanya, berbanding Mesir yang kadar kemiskinannya tinggi, di negara ini kadar itu berjaya diturunkan daripada 70 peratus ketika ne-

gara merdeka kepada sekitar lima peratus dengan kadar kemiskinan tegar cuma sekitar satu peratus.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu, Dr Mahathir berkata semua pihak perlu menerima hakikat krisis global bersifat merebak dan Malaysia tidak terkecuali dari merasai kesannya.

"Kita perlu menerima hakikat yang kita tidak boleh mengasingkan diri daripada apa yang berlaku di negara lain kerana ia akan memberikan kesan kepada kita," katanya merujuk kepada beberapa krisis global, termasuk kebangkitan rakyat di negara Arab.

Dr Mahathir memberi contoh bagaimana krisis kewangan di Amerika Syarikat dan zon Euro memberikan impak negatif kepada rantau itu termasuk Malaysia terutama dalam aspek dagangan.